

# Audit dan Penyiasatan Cukai

## Apa Yang Perlu Anda Ketahui?

**S**ISTEM Taksir Sendiri (STS) telah diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 2001. STS bermula dengan syarikat pada tahun 2001 hingga akhir tahun 2005. STS telah meliputi keseluruhan kategori pembayar cukai yang berjumlah kira-kira 3.6 juta.

Dengan pelaksanaan STS, pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) pastinya akan meningkatkan lagi aspek pengawasan dan pencegahan melalui proses audit dan penyiasatan kepada pembayar cukai.

Menurut sumber dari LHDN pada tahun 2004, jumlah cukai yang dikutip untuk penyiasatan sivil (civil investigation) bagi cukai kebelakangan (back duty tax) jumlah kutipan adalah berjumlah RM620.2 juta, di mana ia merangkumi sebanyak 773 kes yang telah diselesaikan. Bagi kes audit cukai, melalui data terbaru daripada LHDN, pada tahun 2004 sebanyak 1635 kes telah diselesaikan melibatkan kutipan cukai sebanyak RM315.3 juta. Adalah dijangkakan pada tahun-tahun yang akan datang pihak LHDN akan dapat meningkatkan jumlah kutipan audit cukai dan penyiasatan cukai. Ini dapat dicapai berdasarkan peningkatan kecekapan dan pengalaman pegawai LHDN.

Di samping bahagian audit cukai dan penyiasatan cukai, pihak LHDN juga menjalankan penyiasatan jenayah (criminal investigation). Pada tahun 2004, sebanyak 8 kes telah disiasat di bawah penyiasatan jenayah di bawah S.113(1), Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 dan 2 kes di bawah S.114(1), ACP 1967. Di bawah S.113, pesalah

boleh didenda di antara RM1000 hingga RM10,000 dan dikehendaki membayar dua kali ganda cukai yang sepatutnya dibayar. Untuk S.114 pula, pesalah boleh dikenakan denda dari RM1000 hingga RM20,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya dan dikehendaki membayar tiga kali ganda jumlah cukai yang dilarikan.


### Kriteria pemilihan bagi audit atau penyiasatan cukai

Antara kriteria pemilihan bagi audit cukai dan penyiasatan adalah seperti berikut:

- Perbezaan atau perubahan yang ketara dalam angka perbandingan dua tahun atau lebih bagi item kunci kira-kira dan akuan untung dan rugi. Contohnya jumlah belian yang meningkat mendadak tanpa peningkatan jualan.
- Peningkatan yang ketara bagi item pemiutang perniagaan dan pemiutang lain. Ini mungkin disebabkan oleh peruntukkan perbelanjaan seperti peruntukan bonus dan peruntukan perbelanjaan lain.
- Perbelanjaan persendirian yang tidak setara dengan jumlah pendapatan yang dilaporkan. Contoh yang paling ketara ialah pembayar cukai memandu kereta mewah dan melaporkan gaji atau pendapatan yang sama atau lebih sedikit daripada ansuran bulanan kereta. Di samping itu juga pihak LHDN juga akan meneliti kos gaya hidup atau saraan dengan jumlah cukai yang dibayar.
- Corak pendapatan yang dilaporkan tidak sekata dan sering berubah-ubah tanpa sebab yang munasabah. Contohnya dalam pelaporan jualan.
- Margin keuntungan secara perbandingan yang berubah-ubah dari tahun ke tahun dengan peratusan perbezaan yang begitu ketara. Contohnya margin keuntungan tahun semasa 30 peratus dan angka perbandingan tahun sebelum sebanyak 50 peratus. Ini ditambah pula dengan tiada peristiwa material yang berlaku yang boleh memberi kesan kepada margin keuntungan.
- Perubahan ketara dalam kos operasi yang tidak setara dengan perolehan atau jualan. Contohnya perubahan mendadak dalam kos perjalanan, pemasaran dan lain-lain kos.
- Margin keuntungan yang dilaporkan tidak sekata berbanding dengan industri yang mempunyai aktiviti



Bersama  
**ENCIK SALIHIN ABANG**  
CA (M), CFP, ATII, B.ACC (IUM)  
Asna Tax Services Sdn Bhd  
www.salihin.com.my



• Sumber: Lembaga Hasil Dalam Negeri

- perniagaan yang sama.
- Kerugian perakaunan yang berterusan.
- Kesalahan tidak menghantar borang retan untuk jangka masa yang lama.
- Aduan dan laporan pelarian cukai daripada orang ramai.

#### Kuasa LHDN dalam audit dan penyiasatan cukai

Seperti yang termaktub dalam ACP 1967, Ketua Pengarah LHDN mempunyai kuasa yang begitu luas untuk mencegah pelarian cukai, berikut adalah ringkasannya:

- S. 78 Kuasa untuk meminta pengemukaan borang retan dan dokumen yang spesifik.
- S. 79 Kuasa untuk meminta penyata bank, dokumen mengenai sumber pendapatan, meminta dokumen berkaitan aset pembayar cukai, pasangan, anak-anak dan nominee.
- S. 80 Kuasa untuk memasuki kawasan premis perniagaan dan rumah pembayar cukai.
- S. 80 (1a) Kuasa untuk mendapatkan bantuan dan kemudahan dalam melaksanakan tugas LHDN.
- S. 81 dan S. 84 Kuasa untuk mendapatkan maklumat daripada pihak ketiga. Ini termasuk mendapatkan maklumat berkenaan pendapatan, aset dan liabiliti pembayar cukai.
- S. 91 (1) Kuasa untuk menyiasat cukai enam tahun ke belakang, jika Ketua Pengarah LHDN merasakan cukai yang dibayar tidak memadai daripada jumlah yang sebenar.
- S. 91 (3) Untuk kes pelarian cukai, LHDN boleh menyiasat tanpa had tahun.
- S. 104 Pihak LHDN boleh menyekat pembayar cukai yang tidak membayar cukai daripada meninggalkan negara.
- S. 115 (2) Pihak LHDN boleh menahan tanpa waran seseorang yang ingin meninggalkan negara tanpa membayar cukai seperti yang telah tercatat dalam sijil S.104.
- S. 142 (5) LHDN mempunyai kuasa untuk mendapatkan dokumen dan maklumat yang boleh dikategorikan sebagai sulit.

Sumber: Akta Cukai Pendapatan 1967

Untuk mengurangkan risiko audit dan penyiasatan cukai, terutamanya beban penalti dan penjara, pembayar cukai hendaklah mengambil langkah proaktif untuk mengurangkan risiko percukaian. Ini termasuklah menambahkan pengetahuan tentang percukaian.

Menurut kajian Abdul (2001) antara sebab-sebab tidak pematuhan dan pelarian cukai adalah disebabkan pembayar cukai mengambil sikap ingin mencuba-cuba dan berani mengambil risiko daripada peluang-peluang yang ada dalam akta cukai pendapatan. Kajian itu juga mendedahkan kurangnya pengetahuan berkenaan percukaian di kalangan pembayar cukai. **US**

## Ruangan Soal Jawab Bersama Encik Salihin Abang

### SOALAN

Kami merupakan syarikat kontraktor kelas F yang terbabit dalam sektor pembinaan. Saya difahamkan, di bawah Sistem Taksiran Sendiri (STS), syarikat dikehendaki membuat anggaran cukai melalui Borang CP204. Berdasarkan jenis perniagaan kami adalah sukar untuk membuat anggaran cukai. Bagaimanakah caranya untuk saya membuat anggaran cukai dengan pendapatan yang tidak pasti?

Aniza, Kajang

### JAWAPAN

Secara amnya, di bawah Sistem Taksiran Sendiri (STS), pembayar cukai dikehendaki menghantar borang anggaran cukai CP204. Borang ini hendaklah dikembalikan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sebulan sebelum bermulanya tahun kewangan yang berikutnya. Contohnya untuk syarikat mempunyai tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2006, pembayar cukai dikehendaki menghantar borang CP204 sebelum atau pada 30 November 2006 untuk anggaran cukai tahun taksiran 2007. Pembayar cukai dibenarkan untuk membuat pindaan anggaran cukai pada bulan yang keenam (6) dan bulan kesembilan (9). Perlu diingat, setelah borang CP204 dihantar, bayaran hendaklah dibuat berdasarkan anggaran CP204 tersebut. Sekiranya tiada bayaran dibuat atau bayaran yang dibuat lewat dari masa yang ditetapkan, penalti 10% akan dikenakan.

Bagi kes-kes tertentu, seperti perniagaan telah ditutup borang CP204 telah dihantar kepada LHDN sebelumnya, pembayar cukai adalah dinasihatkan untuk menghubungi pihak LHDN dengan menulis surat serta berjumpa dengan pegawai LHDN untuk memberhentikan bayaran CP204. Ini adalah untuk mengelakkan penalti 10% dikenakan jika bayaran tidak dibuat. Untuk syarikat, di mana anggaran adalah sukar untuk dibuat, adalah dinasihatkan pembayar cukai berhubung terus dengan pihak LHDN. Biasanya kes sebegini akan dikendalikan secara unik (case by case basis). Untuk kemudahan kepada pembayar cukai, dalam bajet 2006 anggaran cukai telah dikurangkan kepada 85% daripada cukai yang dibayar pada tahun sebelumnya.